

Ulasan Buku / *Book Review*

Muslims, Christians and Jesus oleh Carl Medearis. 2008. Minnesota, Amerika Syarikat: Bethany House Publishers. 191 halaman

Diulas oleh

¹ YUSRI MOHAMAD RAMLI

¹ Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.

Carl Medearis merupakan seorang penggiat dalam bidang hubungan Muslim-Kristian serta Arab-Amerika. Beliau aktif mempromosikan keharmonian dan keamanan dalam aspek politik, agama dan budaya antara Barat/Kristian dan Arab/Islam. Lama menetap dan mengembara di negara-negara Arab/Islam mengukuhkan pengetahuan beliau mengenai Islam sehingga banyak mempengaruhi masyarakat Barat untuk memahami Islam dan tidak membenci Islam.

Prinsip kembali kepada ajaran Jesus Christ yang sebenar sebagaimana kepercayaan Kristian menjadi pendekatan utama beliau dalam menghilangkan prasangka dan *Islamophobia* khususnya dalam kalangan masyarakat Barat Kristian terhadap Islam dan umat Islam. Karyanya ini iaitu *Muslims, Christians and Jesus* adalah antara karya utamanya yang paling popular menonjolkan aspirasi ini. Karya-karya lain termasuklah *Speaking of Jesus*, *Tea with Hezbollah*, *Understanding Islam and Loving Muslims* dan *From Eyes of Hope*. Secara umumnya beliau adalah dari kalangan penganut Kristian yang cintakan keamanan dan banyak berusaha ke arah membuang perspektif buruk Barat terhadap Islam khususnya setelah peristiwa 11 Sept.

Oleh kerana globalisasi, hidup masyarakat dunia semakin beragam dari sudut agama dan budaya. Apatah lagi banyak sebaran tidak benar dan negatif mengenai Islam oleh media mahupun individu atau kumpulan tertentu menjadikan kemajmukan dunia hari ini semakin mencabar. Carl Medearis melalui karya ini cuba memberikan suatu jalan agar masyarakat Barat dapat mengadaptasi kehidupan bersama dengan masyarakat Muslim yang tinggal berjiran, satu tempat kerja, satu bandar dan satu dunia walaupun berbeza agama dan budaya.

Buku ini merupakan suatu karya yang menonjolkan pemikiran dan motivasi penulis. Karya ini bertujuan mengengahkan suatu perspektif rekonstruktif dan 'dari dalam' kepada masyarakat Barat Kristian dalam memahami Islam dan umat Islam dengan lebih baik supaya seterusnya dapat menyampaikan ajaran Kristian dengan baik tanpa paksaan. Justeru sasaran utama buku ini terarah secara khusus kepada masyarakat Kristian di Barat/Amerika/Eropah.

Jelasnya buku ini menunjukkan asas-asas yang disepakati oleh Muslim dan Kristian menjadi asas yang penting dalam persaudaraan. Berdasarkan pengalaman langsung dan peribadi selama 25 tahun tinggal bersama dan berinteraksi dengan Muslim, Carl Medearis cuba menjelaskan ajaran Islam dan pandangan masyarakat Muslim dalam kerangka yang dapat difahami oleh masyarakat Kristian. Justeru Carl menjadi Jesus sebagai satu asas penghubung yang paling utama bagi mengajak masyarakat Barat membuang prasangka dan prejudis dengan mengikut '*sunnah*' Jesus Christ/Nabi Isa a.s. yang sentiasa mengasihi dan menyayangi sesama manusia.

Secara umumnya buku ini dari satu sudut cuba menjelaskan apakah itu Islam dan siapakah Muslim berdasarkan pengalaman peribadi penulis yang dilihat cuba membuang segala prasangka negatif terhadap Islam oleh masyarakat Barat. Namun dalam masa yang sama dengan pemahaman yang baik itu, ia diharap dapat menjadi panduan dalam mendekati masyarakat Muslim supaya seterusnya dapat menyampaikan agama Kristian.

Buku ini terbahagi kepada 8 bab yang secara umumnya membincangkan mengenai perkara-perkara tentang Allah dan Nabi Muhammad; enam Rukun Iman dan lima Rukun Islam; pandangan al-Quran tentang Jesus dan Bible; pandangan Muslim tentang kesucian wanita; persoalan-persoalan lazim orang Islam terhadap orang Kristian; Jihad, keganasan dan kasih sayang; Muslim tetapi dalam masa yang sama mengikut Jesus (Kristian); dan bagaimana membina hubungan dengan Muslim.

Dalam setiap bab, penulis menjelaskan terlebih dahulu menjelaskan setiap isu berdasarkan apa yang dianggap penulis sebagai Islam yang sebenar/realiti kerana ia adalah dari pengalamannya sendiri hidup bersama orang Islam walaupun dapat difahami bahawa apa yang diperolehnya dari orang Islam adalah belum tentu ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu tidak menghairankan banyak perkara yang tidak tepat mengenai Islam diutarakan penulis. Walaupun penulis dari satu sudut berusaha membuang salah faham tentang Islam khususnya isu *terrorisme*, anti moden, jihad, dan sebagainya yang banyak disalah faham di Barat, tetapi kefahaman beliau tidak dilanjutkan dengan penelitian mendalam dan pemahaman yang sebenar.

Tambahan pula, penjelasan dan kupasan tersebut diikuti dengan cerita peribadi beliau yang keseluruhannya seolah-olah menunjukkan bahawa ramai orang Islam yang ditemuinya amat berminat dengan ajaran Kristian hasil dari pendekatannya yang mesra. Bahkan, dalam setiap bab beliau menjelaskan bagaimanakah tips-tips untuk mendekati atau berhadapan dengan orang Islam berdasarkan isu-isu yang dibincangkan dalam bab tersebut yang jelas menonjolkan matlamat *apologetik* dalam buku ini.

Dalam bab pertama yang membicarakan hal ketuhanan dan kenabian, penulis mengatakan bahawa tidak banyak diketahui mengenai sejarah Nabi sebelum umur 40 tahunnya. Pandangan ini jika dilihat dalam pengkajian sirah Nabi adalah suatu yang tidak tepat kerana Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya nabi yang paling jelas dan lengkap rekod sejarahnya yang direkodkan melalui hadith-hadith dan buku-buku sirah. Namun pandangan sedemikian adalah biasa jika dilihat dalam pengkajian sejarah umum/modern yang melihat kepada pembuktian-pembuktian fakta sejarah ataupun mungkin jika dibandingkan sejarah selepas kerasulan yang lebih banyak direkodkan berbanding kerasulan.

Penulis turut mengatakan bahawa orang-orang Yahudi dan Kristian berkongsi pengetahuan agama mereka dengan orang-orang Arab sehingga menjadikan orang-orang Arab mengetahui konsep-konsep agama tawhid. Pandangan ini kurang tepat kerana saki baki warisan ilmu agama tawhid telah ada dalam masyarakat Arab dari ajaran Nabi Ibrahim dan Ismail walaupun tidak dinafikan adanya hubungan (*contact*) antara orang Arab pada ketika itu dengan orang Kristian dan Yahudi. Tambahan pula yang lebih utama, konsep pewahyuan langsung dalam Islam adalah asing dan ditolak oleh penganut Kristian. Apatah lagi ia melibatkan kepada Nabi yang tidak dipercayai oleh mereka. Lanjutan itu, beliau berpandangan bahawa Nabi Muhammad telah mempelajari agama tawhid dari orang Yahudi dan Kristian sehingga mempengaruhinya untuk menyebarkan Islam. Walaupun tidak dinafikan adanya perhubungan antara Nabi Muhammad dengan beberapa orang Kristian, ia tidaklah dianggap sebagai suatu bentuk pengajian atau amalan berguru melainkan sekadar perbincangan yang mengesahkan kenabian baginda.

Di samping itu, penulis berkecenderungan untuk berpandangan bahawa orang Islam kurang mengenali Tuhan kerana tidak nampak Tuhan sebagaimana Kristian yang nampak Tuhan melalui Jesus Christ. Pada akhir bab ini, penulis cuba menjelaskan bagaimana seorang penganut Kristian dapat mendekati masyarakat muslim. Ini sekali gus memberi gambaran jelas bahawa isu dan penyampaian dalam buku ini adalah eksklusif kepada masyarakat Kristian.

Dalam Bab kedua yang menceritakan mengenai ajaran asas Islam, penulis melihat bahawa asas kepercayaan Islam adalah lengkap namun kekurangan satu perkara iaitu kepercayaan terhadap Jesus Christ yang pada dasarnya dapat difahami sebagai perbezaan paling besar antara muslim dan Kristian. Di samping itu, kenyataan penulis bahawa beberapa orang Islam mengamalkan amalan tertentu yang bersifat khurafat bagi mengelak bahaya dari jin mengalirkan dan memberikan gambaran salah mengenai Islam.

Dalam senarai kitab-kitab suci Islam pula, penulis menyenaraikan hadis di samping kitab-kitab lain yang seolah-olah memberi gambaran bahawa hadis adalah seumpama 4 kitab yang lain walaupun penulis cenderung untuk memaksudkannya sebagai teks-teks suci dalam ajaran Islam.

Penulis juga mengatakan bahawa di dalam al-Quran tidak dinyatakan bahawa Bible dan Torah yang dipegang oleh masyarakat Kristian dan Yahudi pada hari ini tidak asli dan al-Quran adalah kitab yang paling benar. Sedangkan pada hakikatnya banyak ayat-ayat yang menyatakan perkara-perkara demikian seumpama mengenai pendeta-pendeta mereka yang mengubah ayat-ayat Allah. Bahkan beliau juga berkecenderungan untuk menyatakan bahawa orang-orang Yahudi dan Kristian tidak dimaksudkan sebagai orang kafir di dalam al-Quran walaupun banyak ayat-ayat yang jelas memaksudkan sedemikian.

Suatu hal yang menarik namun dapat dijadikan pengajaran ialah bahawa penulis beranggapan bahawa ucapan 'Insha Allah' menunjukkan bahawa seseorang itu mungkin tidak dapat memenuhi jempunan/janji yang diberikan. Ini tidak menghairankan apabila beliau membuat kesimpulan sedemikian kerana ramai kalangan Muslim yang berfikiran sedemikian.

Penulis juga berkesimpulan bahawa umat Islam menghadap Mekkah di dalam solat kerana Mekkah ialah tempat lahirnya Nabi Muhammad SAW dan beliau turut berpandangan bahawa umat Islam sendiri yang menukar kiblat dari Jerusalem ke Mekkah kerana berlaku konflik dengan orang-orang Yahudi. Walaupun tidak menafikan wujudnya konflik tersebut sebagaimana disebutkan dalam asbab al-Nuzul ayat al-Quran mengenainya, namun penukaran kiblat itu adalah berlaku kerana perintah Tuhan dan kehendak-Nya.

Dalam Bab 3 yang membicarakan mengenai kenyataan al-Quran mengenai Jesus, penulis menjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW berusaha mengembalikan pegangan masyarakat Quraisyh Mekkah kepada ajaran Ahli Kitab dengan menggambarkan seolah-olah Baginda memperoleh agama Islam dari Yahudi dan Kristian walaupun pada hakikatnya ajaran asal agama ahli kitab adalah sama dengan Islam.

Penulis menyatakan bahawa di dalam al-Quran tidak ada dinyatakan bahawa kitab Injil telah diubahsuai. Sedangkan banyak ayat dalam al-Quran yang menyatakan demikian walaupun mungkin antaranya tidak dikhususkan kepada Injil semata-mata.

Penulis beranggapan bahawa surah-surah di dalam al-Quran disusun dari yang terbanyak ayatnya hingga yang tersedikit ayatnya. Secara umumnya benar, namun secara spesifiknya, ada juga surah yang lebih panjang selepas surah yang lebih pendek.

Penulis juga menyatakan bahawa dalam Islam sifat kemurkaan/kebesaran Tuhan lebih diutamakan berbanding sifat kepemurahan dan kasih sayang-Nya, walaupun hakikat yang sebenar adalah sebaliknya.

Bab yang keempat membawa pembaca kepada isu wanita dalam Islam. Penulis menyatakan bahawa kalangan Muslim pada abad pertengahan yang mengikut syariah

mempunyai pandangan yang sempit terhadap wanita. Walaupun tidak dinafikan terdapat pandangan yang agak rigid, namun ia tidak menggambarkan keseluruhan pandangan syariat pada ketika itu. Penulis turut menyimpulkan bahawa secara umumnya dalam perundangan syariah, wanita dianggap separuh daripada lelaki kerana ia lazim dalam amalan faraid dan penyaksian di mahkamah. Ini ditambah pula dengan cerita yang didengari dari kelompok suku-suku dan kabilah-kabilah yang ditemuinya bahawa dalam 'budaya Islam' terdapat golongan yang membunuh saudara perempuan mereka yang dirogol bagi menjaga kehormatan keluarga yang jelas tidak menggambarkan ajaran dan amalan sebenar Islam.

Bab seterusnya pula lebih kepada menjelaskan kaedah menjawab persoalan-persoalan yang lazim dibangkitkan oleh orang Islam sekali gus menunjukkan unsur menerangkan kaedah dalam menyampaikan Kristian kepada umat Islam.

Dalam bab keenam pula, penulis cuba menerangkan secara *apologetik* bahawa agama Kristian membawa kasih sayang bagi menghadapi Islam yang penuh dengan ketakutan dan kebencian yang membawa kepada konsep Jihad.

Di dalam bab yang ketujuh, penulis cuba mengajak penganut Kristian menyeru orang-orang Islam supaya mengikuti Jesus Christ tanpa perlu menjadi Kristian. Dalam erti kata lain mempercayai ajaran Kristian dan dalam masa yang sama kekal sebagai Muslim secara luarannya. Penulis mengukuhkan pandangannya dengan mentafsirkan kata-kata tokoh sufi seumpama Ibn Arabi, Rabi'at al-'Adawiyah, Jalal al-Din Rumi dan al-Hallaj sebagai menyokong keterangan beliau walaupun tafsiran tersebut jelas tidak tepat dan tidak sesuai dengan maksud asalnya.

Bab terakhir pula merupakan suatu kesimpulan kepada keseluruhan idea dalam buku ini. Walaupun penulis cuba membuang salah faham terhadap Islam dan menyeru Kristian supaya tidak membenci Muslim, namun agenda missionarinya tetap jelas dan nyata walaupun penulis cuba menafikan. Bab ini turut memuatkan beberapa tip dan panduan dalam berhadapan dan menyebarkan ajaran Kristian kepada umat Islam.

Secara umumnya, setelah membaca dan mengamati buku ini, maka dapat disimpulkan bahawa walaupun penulis buku ini berhasrat untuk membantu ke arah membina pandangan umum masyarakat bukan Muslim khususnya Kristian terhadap Islam dan umat Islam yang lebih baik. Akan tetapi sasaran pembaca secara eksklusif terarah kepada masyarakat Kristian khususnya di Amerika/Barat bahkan secara persuasifnya menjadi panduan/nasihat dalam cara-cara menyampaikan ajaran Kristian kepada umat Islam. Justeru penyampaian buku ini sangat berunsur missionari, apologetik dan dakyah lantaran tujuan utama buku ini adalah sebagai kaedah bagaimana Kristian dapat memahami dan mendekati masyarakat Muslim dengan baik bagi menyampaikan ajaran Kristian.

Tambahan pula, terdapat beberapa perkara yang tidak tepat mengenai Islam yang berkemungkinan besar berpunca dari maklumat yang diperolehnya dari orang-orang Islam yang ditemuinya. Pengetahuan beliau mengenai Islam banyak diperoleh dari pengalaman peribadi beliau semasa tinggal di Lubnan dan pergi ke beberapa negara Arab. Penulis nampaknya kurang melakukan penyelidikan ilmiah untuk mengkaji adakah pandangan orang Islam yang ditemuinya benar atau tidak menurut Islam.

Secara umumnya terdapat pro dan kontra mengenai buku ini. Positifnya, ia cuba membuang salah faham terhadap Islam dalam kalangan masyarakat Kristian dan Barat. Negatifnya ialah ia menjadikan karya ini seumpama manual dan panduan dalam menyampaikan ajaran Kristian ditambah dengan bahasa dan sasarannya yang begitu jelas menyasarkan kepada golongan Kristian terhadap orang Islam. Buku ini jelas menimbulkan kekeliruan dan kontroversi yang menggalakkan penyebaran agama Kristian terhadap umat Islam di samping mengelirukan orang Islam atau bukan Islam melalui ketidaktetapan fakta tentang sejarah dan ajaran Islam. Tambahan pula, pendekatan yang cuba digarap oleh penulis dengan cara mempercayai ajaran Kristian tetapi mengekalkan keislaman atau dalam erti kata lain menyembunyikan kemurtadan tidak mustahil akan mempengaruhi masyarakat Kristian untuk menggunakannya terhadap umat Islam.